

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 24 MARCH 2017 |

Sikap Tun M punca PAS tutup pintu rundingan

BH-24/3/2017

➔ Keputusan antara Presiden, Pengerusi PPBM sering bercanggah

Oleh Mohd Zulkifli Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

▪ Kota Bharu

PAS mendedahkan, sikap Tun Dr Mahathir Mohamad yang membuat segala keputusan untuk Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), adalah punca parti itu menutup pintu rundingan.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan, berkata PPBM seolah-olah tiada hala tuju

ju apabila keputusan di antara Dr Mahathir yang juga Pengerusi dan Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin sentiasa bercanggah.

Beliau berkata, sebelum ini, Muhyiddin sahaja yang mengadakan rundingan dengan PAS, sebaliknya Dr Mahathir hanya berdiam diri sebelum parti itu diputuskan untuk secara rasmi menyertai pakatan pembangkang.

“Dalam perlembagaan PPBM, Pengerusi mempunyai kuasa eksekutif dan ketika mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), Dr Mahathir menjadi Pengerusi Mesyuarat, bukannya Presiden.

“Dr Mahathir mahu naik pentas pakatan, Muhyiddin pula mahu naik pentas PAS...macam mana? Jadi parti berkenaan tiada hala tuju.

Konflik pendirian

“Kita nampak macam ada konflik dari segi pendirian antara



Dr Mahathir mahu naik pentas pakatan, Muhyiddin pula mahu naik pentas PAS...macam mana? Jadi parti berkenaan tiada hala tuju”

Takiyuddin Hassan,
Setiausaha Agung PAS

Pengerusi dengan Presiden. Apa-apa keputusan Dr Mahathir tentukan, Muhyiddin hanya senyap,” katanya pada pemberita selepas ‘Ceramah Isu Semasa’ di sini, malam kelmarin.

BH sebelum ini melaporkan PAS menutup pintu rundingan dengan PPBM selepas parti berkenaan secara rasmi menyertai pakatan pembangkang dan segala rundingan serta perbincangan yang diadakan sebelum itu dianggap terbatal.

Ditanya mengenai Rang Undang-Undang 355 (RUU355), Takiyuddin yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu, berkata usul itu akan mudah diluluskan jika dibawa Kerajaan Pusat seperti dimaklumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi sebelum ini.

Katanya, ini kerana, semua Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) akan terikat dan menjadi kesalahan jika mereka tidak menuruti arahan itu.